

SULIT

1103/2

Bahasa Melayu

Kertas 2 PCB

Peraturan Pemarkahan

2025

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2025

PERATURAN PEMARKAHAN 1103/2 (PP)

KERTAS 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Kertas Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 13 halaman bercetak

Join telegram @exercise_students

***Nota: Panduan penskoran ini bukan dihasilkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.**

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

Soalan 1 : 8 markah

Soalan 2 : 6 markah

Soalan 3 : 11 markah

Soalan 4 : 6 markah

Soalan 5 : 4 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap **kata dasar** yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan **kata dasar** yang betul.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa **kata dasar** telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. **Kata dasar** salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. **Kata dasar** digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanca baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1- Kata dasar

- | | |
|---------------|--|
| (i) ambil | = memegang sesuatu lalu membawa atau mengangkatnya/ memungut sesuatu |
| (ii) terus | = menuju ke sesuatu tempat dengan tidak singgah/ tidak terhalang/ pantas |
| (iii) kualiti | = mutu/ peringkat kebaikan/ nilai sesuatu (biasanya tinggi) |
| (iv) sah | = pasti/ benar/ sah/ dapat diakui/ dapat diterima |

(8 markah)

Soalan 2 : Sintaksis

JAWAPAN : Ayat majmuk

1. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengucapkan tahniah kepada Zii Jia **kerana** membuktikan bahawa kekalahan untuk mara ke peringkat akhir tidak pernah mematahkan semangat juangnya **untuk** meraih pingat gangsa. (2 markah)
2. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Zahid Hamidi **dan** Datuk Seri Fadillah Yusof turut mengucapkan tahniah atas kejayaan atlet itu di Paris. (2 markah)
3. Pemain di kedudukan ketujuh dunia itu meraih pingat gangsa menerusi aksi cemerlang menentang Lakshya Sen dari India **apabila** bangkit daripada ketinggalan satu set dengan kemenangan pada aksi penentuan pingat gangsa **yang** sungguh mendebarkan. (2 markah)

Soalan 3- Penyuntingan

Bahan 1

- (i) mempercepat - mempercepat
- (ii) fisio terapi - fisioterapi
- (iii) keesokkan - keesokan
- (iv) kontingen - kontinjen
- (v) terbaru - terbaharu
- (vi) pada masa kini - pada masa ini/ kini
- (vii) adalah - ialah
- (viii) analisa - analisis

(6 markah)

Bahan 2

- (i) MENYATU PADUKAN - MENYATUPADUKAN
- (ii) ditempatkan - bertempat
- (iii) berbagai - berbagai-bagai/ pelbagai
- (iv) bowling - boling
- (v) menjemput - dijemput
- (vi) MAY - MEI

(5 markah)

Perhatian bagi Soalan 4: Bahasa Melayu Standard

Panduan Penskoran

Bil	Markah	Kriteria
1	Cemerlang (5-6)	1.Struktur ayat mengikut petikan. 2.Mengekalkan maksud seperti dalam petikan 3.Mengekalkan laras bahasa istana jika berkenaan . 4.Tanda baca dalam setiap ayat dikekalkan. 5.Penggunaan kata yang tepat dan gramatis.
2	Baik (3-4)	1.Struktur ayat masih mengikut petikan. 2.Masih mengekalkan maksud seperti dalam petikan 3.Masih mengekalkan laras bahasa istana . 4.Tanda baca dalam setiap ayat masih dikekalkan. 5.Penggunaan kata yang masih tepat dan gramatis.
3	Lemah (1-2)	1.Sebahagian besar struktur ayat dalam petikan tidak dikekalkan. 2. Sebahagian besar maksud dalam ayat tidak dikekalkan. 3.Sebahagian besar laras bahasa istana tidak dikekalkan. 4. Sebahagian besar tanda baca dalam setiap ayat tidak dikekalkan 5.Banyak kesalahan penggunaan kata dan bahasa tidak gramatis

Soalan 4- Bahasa Melayu Standard

Setelah itu, Kertala Sari dibawa masuk untuk menghadap Seri Betara. Patih Gajah Mada berkata, "Tentang tujuh orang pahlawan yang diperintahkan oleh Paduka Betara untuk pergi ke Melaka, dikhabarkan bahawa mereka semua telah dibunuh oleh Laksamana di sana.

Negeri Melaka juga sedikit sebanyak telah ditewaskan olehnya. Sekarang barulah patik memperoleh seorang pahlawan yang mahir; inilah dia pahlawannya. Namanya Kertala Sari, anak kepada Petala Bumi, yang telah dipesan oleh ayahnya kepada patik."

(6 markah)

Soalan 5: Peribahasa

1. Bumi mana yang tidak ditimpa hujan
2. Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri
3. Carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga/ Biduk lalu kiambang bertaut/ Air dicencang tidak akan putus

(4 markah)

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi Soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan bagi soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
-Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
-Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
-Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	

- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0

Soalan 6: Petikan Umum

(i) Pembudayaan amalan integriti sewajarnya dimulakan secara menyeluruh pada peringkat sekolah rendah

- Pada peringkat sekolah rendah merupakan waktu paling sesuai untuk membentuk jiwa dan jati diri pelajar dalam mengamalkan integriti dalam kehidupan seharian.

[maksimum : 2 markah]

(ii) langkah-langkah bagi mencegah gejala rasuah

Bahan 1

- pendedahan pendidikan integriti perlu dilaksanakan dengan segera 1

Bahan 2

- keteguhan jati diri perlu ada dalam diri setiap individu. 1
- pegangan agama yang kuat 1

(Nota: jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan)

**[maksimum : 3 markah]
[isi cukup : 2 isi]**

(iii) kepentingan amalan berintegriti dalam kalangan para pekerja mahupun golongan peniaga

- Meningkatkan kepercayaan pelanggan dan orang ramai
- Mengelakkan penipuan dan salah guna kuasa
- Mewujudkan suasana kerja yang sihat dan harmoni
- Meningkatkan produktiviti dan keberkesanan organisasi
- Mematuhi undang-undang dan peraturan
- Menjamin kelangsungan perniagaan atau kerjaya

**[maksimum : 3 markah]
[isi cukup : 2 isi]**

Join telegram @exercise_students

(iv)

Tindakan yang wajar anda lakukan bagi memastikan kenalan anda tidak terus mengamalkan rasuah	Markah
-Menasihati kenalan supaya tidak mengamalkan rasuah / memberi kesedaran tentang akibat perbuatan rasuah	1
-Berkongsi maklumat berkaitan kesan negatif amalan rasuah	1
-Melaporkan kepada pihak berkuasa / Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia / Polis Diraja Malaysia	1
-Mengajaknya untuk menghadiri kempen kesedaran antirasuah / ceramah agama	1
-	
-	
-	

(cara lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[maksimum : 4 markah]
[isi cukup : 3 isi]

Soalan 7- Petikan sastera

Soalan	Jawapan	Markah
7 i	Maksud <i>melangkah gagah</i> ; P1 - menuju/mengorak berani/kuat P2 - melangkah berani/kuat P3 - mengorak gagah Maksimum markah = 2 markah	2 1 1
ii	Manfaat yang diperoleh seseorang apabila seseorang bersukan; Bahan 1 P1 - tubuh sihat sepanjang masa P2 - memupuk semangat juang P3 - membina keyakinan diri Bahan 2 P5 - dapat meluangkan masa bersama rakan P6 - menguatkan otot Bahan 3 P7 - Tidak mudah berputus asa walaupun banyak masalah dihadapi (<i>Tak mengalah walau rintangan datang menghalang</i>) P8 – mengajar erti hidup yang penuh cabaran (<i>mengajarkan erti hidup penuh pancaroba</i>) Maksimum 3 isi = 4 markah	1 1 1 1 1 1

iii	Punca-punca yang menyebabkan masyarakat kini tidak gemar bersukan. P1 - Kesibukan bekerja/kekangan masa P2 - Cuaca yang tidak menentu P3 - Tidak mempunyai peralatan sukan yang sesuai P4 - Tiada kemudahan bersukan di kawasan perumahan P5 - Tidak mempunyai keyakinan diri P6 - Masalah kesihatan/ Faktor genetik/ Obesiti/ faktor bentuk fizikal P7 - Tiada galakan ibu bapa/ sokongan/ kesedaran/ tiada semangat kesukanan/ E-sukan Maksimum 2 isi = 3 markah	1 1 1 1 1 1 1
iv	Tindakan anda untuk memastikan rakan anda menyertai dan mewakili rumah sukan anda ; P1 - merujuk kepada guru penasihat rumah sukan P2 - menasihati/ memberitahu rakan saya manfaat menyertai acara sukan P3 – memaklumkan/ memberitahu ibu bapanya tentang sikapnya yang banyak menghabiskan masa dengan alat peranti elektronik P4 – berkongsi video/poster/ membimbing cara pengurusan masa yang betul P5 – mencadangkan guru penasihat memberikan ganjaran apabila menyertai acara yang dipertandingkan/ sijil/ hadiah/(PAJSK) Maksimum 3 isi = 4 markah	1 1 1 1 1

SOALAN 8 - NOVEL

8 (i) Pemahaman Novel

Sebab Pak Cik Aziz tidak berdaya mengusahakan chaletnya?

- | | |
|--|---|
| P1 Anak-anak sudah tidak mahu balik ke tanah air untuk menyambung perusahaan pak cik | 1 |
| P2 pak cik sendiri kerana kurang pengalaman | 1 |
| P3 Kakitangan sendiri menyeleweng | 1 |
| P4 bayaran ansuran bulanan pinjaman tertunggak sehingga enam bulan | 1 |
| P5 Pegawai bank itu sudah memberikan notis pelunasan | 1 |

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

(ii) Jawapan soalan novel

- (a) Jawapan berdasarkan **sebuah novel** yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi peristiwa / huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa / huraian / contoh).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh:
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum 6 markah]

8 (ii) Peristiwa kepentingan ilmu dalam kehidupan

Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor

1. Peristiwa Farisha melepasi sistem keselamatan Bank Sapurba dan berjaya menggodam pelayan data di Nusa Jaya hanya dalam tempoh sepuluh minit. Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu dalam melaksanakan tugas bidang profesional yang diceburi.
2. Peristiwa Karl yang merupakan penyelidik dan pencipta sistem Dinara berusaha memajukan diri hingga mendapat Anugerah Inovasi Peringkat Kebangsaan. Peristiwa ini menunjukkan seseorang yang berilmu akan diiktiraf.
3. Peristiwa Farisha menggunakan ilmu pengetahuannya dalam menguruskan syarikatnya bersama Rosman iaitu Secured Shell. Peristiwa ini menunjukkan ilmu pengetahuan dapat membantu seseorang mengurus pekerjaannya dengan baik.
4. Peristiwa Farisha menghadiri sebuah simposium di Hotel Renaissance yang diundang oleh Aqram kerana berminat mendengar ucapan Philips Young dan dia juga ingin meningkatkan pengetahuannya berkaitan keselamatan komputer. Peristiwa ini menunjukkan ilmu pengetahuan perlu sentiasa dipelajari untuk meningkatkan prestasi kerja semasa.

Silir Daksina karya Nizar Parman

1. Peristiwa Abdullah bin Kayan telah mengajar See Hwa cara mendeklamasi puisi sehingga See Hwa berjaya memenangi pertandingan deklamasi puisi di sekolahnya. Peristiwa ini menunjukkan ilmu pengetahuan dalam bidang khusus penting untuk memperoleh kemenangan dalam pertandingan.
2. Peristiwa Haiqal berjaya melanjutkan pelajaran ke sebuah universiti yang terletak di Bumi Kenyalang selepas tamat Tingkatan 6. Peristiwa ini menunjukkan ilmu pengetahuan penting untuk membolehkan kita melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.
3. Peristiwa Haiqal menerima tawaran melanjutkan pelajaran di Bumi Kenyalang untuk meningkatkan ilmu pengetahuannya dalam mencapai cita-cita. Peristiwa ini menunjukkan kesanggupan seseorang merantau ke tempat lain untuk menuntut ilmu pengetahuan demi masa depan.
4. Peristiwa Haiqal yang menuntut ilmu berkaitan tarian Zapin bersama-sama ahli kumpulan Zapin D'Purnama demi mempopularkan tarian tersebut semula di Kampung Sri Purnama. Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu pengetahuan dalam mengekalkan budaya warisan yang kian pupus.
5. Peristiwa Tauke Ong yang sanggup menoreh getah pada waktu pagi dan meraih hasil tanaman untuk dijual pada waktu petang demi mengumpul wang untuk pendidikan anak-anaknya supaya anak-anaknya dapat mengecapi kehidupan yang lebih baik. Peristiwa ini menunjukkan kepentingan ilmu pengetahuan dalam mengubah taraf kehidupan keluarga.

***terima mana-mana jawapan yang sesuai**

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi – **20** markah
- (b) Bahasa – **10** markah

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
- gelaran
- penanda wacana

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

(b) Bahasa

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta, markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual).
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

- P1 ...membincangkan **masalah-masalah / isu-isu / cabaran-cabaran kemasukan / kesan-kesan negatif** pelarian dan **usaha-usaha / cara-cara / kaedah-kaedah / langkah-langkah** menangani pelarian 2
- P2 ...membincangkan **masalah-masalah / isu-isu / cabaran-cabaran kemasukan / kesan-kesan negatif** pelarian 1
- P3 ...membincangkan **usaha-usaha / cara-cara / kaedah-kaedah / langkah-langkah** menangani pelarian 1

Isi [16 markah]

Bahan 1

Fokus 1 - masalah / isu / cabaran kemasukan / kesan negatif

- A1 peningkatan kadar jenayah yang dilakukan 2
- A2 mewujudkan penempatan haram di merata-rata tempat 2
- A3 kerap didapati melanggar undang-undang 2
- A4 gemar merebut peluang ekonomi yang terhidang untuk masyarakat tempatan 2

Fokus 2 – langkah / kaedah / cara / usaha mengatasi

- B1 pihak kerajaan sememangnya perlu merangka satu dasar khusus berkaitan pelarian 2
- B2 pihak kerajaan menghantar pulang bagi pelarian yang menimbulkan pelbagai masalah 2
- B3 pelarian ini boleh diberikan kerja dalam sektor yang kritikal 2

Bahan 2

Fokus 2 – langkah / kaedah / cara / usaha mengatasi

- C1 Negara-negara ASEAN wajar berganding bahu untuk membantu menangani isu pelarian 2
(*Negara ASEAN berganding bahu...*)
- C2 tidak harus dibiarkan menetap lama sebaliknya wajar dihantar pulang ke negara asal segera 2
(*Jangan dibiarkan menetap lama, pulangkan mereka dengan segera*)

Bahan 3

Fokus 1 - masalah / isu / cabaran kemasukan / kesan negatif

- D1 mereka membawa ancaman kesihatan dan wabak penyakit 2

Fokus 2 – langkah / kaedah / cara / usaha mengatasi

- E1 jumlah kemasukan mereka ke negara ini dihadkan 2

Kesimpulan [2 markah]

- K1 Kesimpulannya, isu pelarian wajar ditangani dengan segera/ bijaksana/ penuh tanggungjawab agar keselamatan/ kesejahteraan/ kestabilan/ kemakmuran negara akan terus terjamin 2
- K2 Kesimpulannya, isu pelarian wajar ditangani dengan segera/ bijaksana/ penuh tanggungjawab 1